

# Penampilan diri cerminan keperibadian individu

TIDAK dapat dinafikan, gaya dan penampilan sangat penting terutamanya ketika berurusan dengan pelanggan serta menjalankan tugas yang memerlukan kita berjumpa orang ramai.

Berpenampilan kemas dan menarik juga penting kerana ia mempengaruhi pandangan orang terhadap kita terutamanya ketika kali pertama berjumpa kerana ia memberikan cerminan terhadap sikap seseorang.

**Menurut Timbalan Pengarah Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib,** pandangan pertama orang



KARTINI

terhadap kita sangat penting.

“Sebagai contoh, ketika menghadiri temu duga, pandangan pertama tersebut akan menjadi faktor penentu seseorang itu berjaya atau gagal.

“Ini kerana dalam masa yang singkat pasti sukar untuk mengenali seseorang sepenuhnya dan penampilan luaran itu akan dinilai terlebih dahulu.

“Namun, tidak semua penilaian pertama itu benar kerana tingkah laku manusia sangat subjektif,”

katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini. Ujar Kartini lagi, penampilan yang kemas

menampakkan secara fizikal keperibadian yang rapi, bersih dan ini hanya boleh dicapai jika individu itu mempunyai disiplin diri.

Jika seseorang itu pemalas, penampilan diri juga dapat dilihat dengan baju yang tidak digosok serta berbau.

“Kebersihan lambang keimanan, begitu juga dengan ketrampilan diri yang kemas, rapi dan sederhana sebagai lambang keutuhan peribadi.

“Mereka yang bijak mengurus diri merupakan individu berperibadi tinggi dan berhemah mulia.

“Ia akan memberi keyakinan kepada keluarga, rakan dan organisasi untuk menyerahkan tanggungjawab yang besar kepada individu tersebut,” terangnya.